

100 >> universiti terbaik diberi
penarafan Times Higher Education

UTM huni carta 70 terbaik Asia

■ *Terselarai menerusi penarafan THE*

Oleh Mohd Sabran Md Sani
sab@hmetro.com.my

Johor Bahru

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) terus unggul dan gah dipersada antarabangsa apabila terselarai dalam kumpulan 100 universiti terbaik Asia menerusi penarafan Times Higher Education (THE) Asia University Ranking 2016 dikeluarkan semalam.

Menerusi penarafan itu, UTM terselarai di tempat ke 70 terbaik Asia manakala Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam kelompok 121 hingga 130, Universiti Sains Malaysia (USM) 141 hingga

150 dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (161-170).

Naib Canselor UTM, Profesor Datuk Dr Wahid Omar berkata, pencapaian memberangsangkan itu meletakkan UTM sebagai universiti ketiga terbaik di ASEAN selepas National University of Singapore (NUS) dan Nanyang Technological (NTU) di Singapura.

“Kejayaan menduduki tempat ketiga terbaik di ASEAN dapat membantu menjayakan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pengajian tinggi di rantau Asia Tenggara.

“UTM melonjak lebih 30 anak tangga dan terselarai buat kali pertama dalam kumpulan 100 universiti

terbaik Asia berikutan pencapaian kualiti akademik dan penyelidikan yang terbaik,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sementara itu dalam laporan diterbitkan THE menyatakan UTM menjadi institusi pengajian tinggi (IPT) yang berkedudukan paling atas dalam kalangan negara ASEAN selepas Singapura meskipun Thailand mempunyai penyertaan terbanyak dalam ranking kali ini dengan tujuh universiti.

Universiti dari Thailand yang mencatatkan kedudukan terbaik ialah Mahidol University dan King Mongkut University of Technology Thonburi (KMUTT) masing-masing di tempat ke 90 dan 98 Asia.



“Kejayaan menduduki tempat ketiga terbaik di ASEAN dapat membantu menjayakan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pengajian tinggi di rantau Asia Tenggara”

Dr Wahid Omar